

NO. SOALAN: 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
[PANDAN]**

TARIKH : 25 JULAI 2017 | SELASA

SOALAN :

Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli [Pandan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peratusan terkini pegangan ekuiti Tabung Haji di dalam Putrajaya Perdana Berhad dan bagaimanakah RM193 juta suntikan ekuiti itu telah dibelanjakan dari 2014 hingga 2017 (dengan perincian perbelanjaan).

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di -Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak Disember 2014 sehingga kini, Lembaga Tabung Haji (*TH*) mempunyai pegangan ekuiti sebanyak 30 peratus di dalam Putrajaya Perdana Berhad.

Pelaburan **TH** dibuat melalui pembelian 30 peratus saham sedia ada Putrajaya Perdana Berhad daripada Cendana Destini Sdn Bhd dengan nilai RM193.5 juta, secara Offer for Sale. Oleh yang demikian, tidak ada apa-apa suntikan atau aliran dana / wang dari **TH** ke dalam akaun Putrajaya Perdana Berhad. **TH** juga tidak memberi sebarang pinjaman kewangan kepada Putrajaya Perdana.

Sekian, terima kasih.